

Pelepasan Model

Sebagai Balasan yang diperakui sebagai diterima di sini, dan dengan menandatangani pelepasan ini, saya dengan ini memberi keizinan saya kepada Jurugambar / Pembuat Filem dan Penerima Serah Hak untuk melesenakan Kandungan ini dan menggunakan Kandungan ini dalam sebarang Media, bagi apa-apa tujuan (tidak termasuk pornografi atau fitnah) yang mungkin termasuk, antaranya, pengiklanan, promosi, pemasaran dan pembungkusan bagi sebarang produk atau perkhidmatan. Saya bersetuju bahawa Kandungan ini boleh digabungkan dengan imej, teks, grafik, filem, audio dan hasil audio visual lain lain dan dipangkas, diubah atau diubah suai. Saya mengakui dan bersetuju bahawa saya telah membenarkan penerbitan berhubung keetnikan dan jantina saya seperti yang dinyatakan di bawah tetapi saya faham bahawa keetnikan atau jantina lain mungkin dikaitkan dengan saya oleh Jurufoto / Pembikin Filem dan / atau Pemegang Serah Hak untuk tujuan perihalan.

Saya bersetuju bahawa saya tidak mempunyai hak terhadap Kandungan ini, dan semua hak terhadap Kandungan ini dipunyai oleh Jurugambar / Pembuat Filem dan / atau Penerima Serah Hak. Saya mengesahkan dan saya bersetuju bahawa saya tidak lagi mempunyai hak terhadap balasan atau penjelasan tambahan, dan bahawa saya tidak akan membuat sebarang tuntutan lanjutan atas sebarang sebab kepada Jurugambar / Pembuat Filem dan / atau Penerima Serah Hak. Saya mengesahkan dan saya bersetuju bahawa pelepasan ini adalah mengikat terhadap waris dan penerima serah hak saya. Saya bersetuju bahawa pelepasan ini tidak boleh ditarik balik, sedunia dan berkekalan, dan akan ditadbir oleh undang-undang (tidak termasuk undang-undang konflik) di negara/negeri dalam senarai berikut yang paling hampir dengan alamat Model (atau Ibu Bapa*) yang diberi di sebelah: New York, Alberta, England, Australia dan New Zealand.

Dipersetujui bahawa maklumat peribadi saya tidak akan diberi kepada awam tetapi hanya boleh digunakan secara langsung dalam hubungan pelesenan Kandungan ini di mana perlu (seperti untuk mempertahankan tuntutan, melindungi hak atau memaklumi kesatuan sekerja) dan boleh dikekalkan selama yang mungkin untuk memenuhi tujuan ini, termasuk dengan dikongsikan dengan subpemegang lesen / penerima serah hak Jurugambar / Pembuat Filem dan dipindahkan ke negara-negara berbeza dengan undang-undang perlindungan data dan privasi yang berbeza di mana ia mungkin disimpan, diakses dan digunakan. Saya mewakili dan menjamin bahawa saya berumur sekurang-kurangnya 18 tahun dan mempunyai keupayaan dan hak penuh di sisi undang-undang untuk melaksanakan pelepasan ini.

Definisi: "PENERIMA SERAH HAK" bermaksud seseorang atau sebarang syarikat yang kepadanya Jurugambar / Pembuat Filem telah menyerahkan hak atau memberi hak lesen di bawah pelepasan ini di samping pemegang lesen mana-mana orang atau syarikat tersebut. "BALASAN" bermaksud \$1 atau yang lain yang mempunyai nilai yang telah saya terima sebagai tukaran bagi hak yang diberi oleh saya dalam pelepasan ini. "KANDUNGAN" bermaksud semua gambar foto, filem atau rakaman diri saya, sama ada pegun atau bergerak, yang diambil sebagai sebahagian daripada Penggambaran. "MEDIA" bermaksud semua media termasuk digital, elektronik, bercetak, televisyen, filem dan media lain yang telah diketahui kini atau yang akan dicipta. "MODEL" bermaksud diri saya dan termasuk penampilan, penyerupaan dan suara saya. "IBU BAPA" bermaksud ibu bapa dan/atau penjaga sah Model ini. Ibu Bapa dan Model dirujuk bersama sebagai "Saya" dan "saya" dalam pelepasan ini, yang dinyatakan dalam konteks. "JURUGAMBAR / PEMBUAT FILEM" bermaksud jurugambar, pengilustrasi, pembuat filem atau juruseni perfileman, atau mana-mana orang atau entiti lain yang mengambil gambar atau rakaman diri saya. "PENGGAMBARAN" bermaksud sesi fotografi atau filem yang diterangkan dalam borang ini.

Maklumat Jurugambar/Pembuat Filem

Nama (dengan huruf cerai) _____

Tandatangan _____

Tarikh Ditandatangani (HH/BB/TAHUN) _____

Tarikh Penggambaran _____

Negara & Wilayah/Negeri Penggambaran** _____

Penerangan/Ruj. Penggambaran (jika berkenaan) _____

Lampirkan Rujukan Visual bagi Model di sini:

(Disejajarkan pada sudut kanan atas jika lebih besar daripada kotak.)

Contohnya, Polaroid, lesen memandu, cetakan gambar, fotokopi, dsb.

Maklumat Model

Nama (dengan huruf cerai) _____

Tarikh Lahir (HH/BB/TAHUN) _____

Jantina lelaki perempuan atau Saya dikenali sebagai _____

Maklumat Model (atau Ibu Bapa*)

Alamat Rumah _____

Bandar _____ Negeri/Wilayah _____

Negara _____ Poskod _____

Telefon _____ E-mel _____

Tandatangan _____

Tarikh Ditandatangani (HH/BB/TAHUN) _____

*Jika Model di bawah umur atau kekurangan keupayaan dalam bidang kuasa tempat tinggal, Ibu Bapa menjamin dan menjelaskan bahawa Ibu Bapa ini adalah penjaga yang sah bagi Model ini, dan mempunyai keupayaan penuh di sisi undang-undang untuk memberi kebenaran terhadap Penggambaran dan untuk melaksanakan pelepasan ini TERHADAP SEMUA HAK DALAM KANDUNGAN MODEL INI. Jika anda ialah ibu bapa yang menurunkan tandatangan dalam kapasiti ini, sila masukkan butiran anda di atas dan nama anda di bawah.

Nama Ibu Bapa, jika berkenaan: _____

Saksi tandatangan Model (NOTA: Semua orang yang menandatangani dan menjadi saksi hendaklah dalam lingkungan umur layak dan berupaya dalam bidang yang di dalamnya Pelepasan ini ditandatangani. Seseorang model atau jurugambar tidak boleh menjadi saksi untuk keluarannya sendiri. Tandatangan saksi amat disyorkan)

Nama (dengan huruf cerai) _____

Tandatangan _____

Tarikh Ditandatangani (HH/BB/TAHUN) _____